

PruBSN Aman – Soalan-soalan Lazim

Ciri-ciri Pelan

1. Apakah itu PruBSN Aman?

PruBSN Aman adalah pelan takaful keluarga yang boleh diperbaharui setiap tahun yang memberi perlindungan takaful terhadap kematian. Kos tuntutan dikongsi sama rata antara para peserta berasaskan prinsip untuk saling bantu-membantu (*Ta'awun*). Pembayaran tuntutan akan ditolak setiap bulan, jika ada, dari Akaun Bersama anda berdasarkan jumlah tuntutan yang dibayar dalam tempoh tersebut.

2. Berapakah tempoh perlindungan?

PruBSN Aman boleh diperbaharui sehingga umur 70 tahun (umur pada hari jadi akan datang).

3. Siapa yang boleh serta dalam PruBSN Aman?

Anda boleh serta pelan ini sekiranya anda merupakan warganegara Malaysia atau penduduk tetap Malaysia yang sedang menetap di Malaysia dan berumur dari 19 hingga 65 tahun (umur pada hari jadi akan datang).

4. Bolehkah saya serta dalam PruBSN Aman, jika saya ada masalah kesihatan?

Jika anda mempunyai sebarang masalah kesihatan terminal, anda tidak dapat memohon untuk menyertai pelan ini.

5. Bagaimana saya tahu pelan ini sesuai untuk saya?

PruBSN Aman menyediakan anda dan keluarga anda daripada kehilangan nyawa yang tidak dijangka. Ia menyediakan kelangsungan kewangan untuk anda dan orang tersayang untuk teruskan kehidupan walaupun anda tidak lagi bersama mereka. Sekiranya anda mencari pelan takaful keluarga yang mampu milik dan telus, pelan inilah yang mungkin anda cari. Anda perlu berpuas hati bahawa pelan ini memenuhi keperluan diri anda dan sumbangan yang dibayar mestilah berpatut dengan anda.

6. Bagaimana PruBSN Aman berfungsi?

PruBSN Aman adalah berdasarkan kepada konsep takaful di mana para peserta pelan akan saling membantu antara satu sama lain secara telus apabila ditimpa musibah. Peserta secara sukarela berkomitmen untuk berkongsi kos tuntutan yang akan dimaklumkan oleh kami dari semasa ke semasa. Setelah anda menyertai dan membuat Sumbangan Pendahuluan, sebahagian daripada Sumbangan Pendahuluan anda akan dipotong sebagai Yuran *Wakalah* Pendahuluan yang merupakan caj untuk perkhidmatan yang akan disediakan di bawah sijil anda, dan bakinya akan disimpan di dalam Akaun Bersama anda.

Anda juga akan dimaklumkan mengenai berapa Potongan Perkongsian Bulanan yang perlu ditolak dari Akaun Bersama anda untuk menampung jumlah tuntutan serta Yuran *Wakalah* Tuntutan (tidak termasuk sebarang Caj-caj *Wakalah* yang lain). Jumlah keseluruhan dalam pengiraan Potongan Perkongsian Bulanan untuk bulan tertentu adalah termasuk jumlah tuntutan yang dibawa dari bulan sebelumnya hasil daripada pelaksanaan Had Potongan Perkongsian Bulanan. Kami juga akan menolak Yuran *Wakalah* Tahunan dari Akaun Bersama anda pada setiap ulang tahun sijil.

Butiran potongan, caj-caj dan baki dalam akaun akan sentiasa tersedia dalam aplikasi mudah alih PruBSN Aman untuk anda.

7. Apakah pengecualian yang dikenakan di bawah PruBSN Aman?

PruBSN Aman tidak akan membayar Manfaat Kematian sekiranya kematian adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh bunuh diri, sama ada semasa waras atau tidak waras.

8. Apakah tempoh menunggu di bawah PruBSN Aman?

Perlindungan untuk Manfaat Kematian disebabkan oleh kematian secara semulajadi hanya akan bermula tiga puluh (30) hari selepas menyertai pelan ini.

9. Apakah amaun jumlah perlindungan di bawah PruBSN Aman?

PruBSN Aman akan membayar manfaat sekaligus seperti berikut:

- (i) Manfaat Kematian – RM 7,000; di mana akan dibayar kepada penama; dan
- (ii) Manfaat *Khairat* – RM 3,000; di mana akan dibayar kepada Pengurus Perkhidmatan Pengebumian sekiranya waris anda mengambil pilihan untuk menggunakan perkhidmatan pengurusan pengebumian. Sekiranya perkhidmatan pengurusan pengebumian tidak digunakan, Manfaat *Khairat* akan dibayar kepada penama anda; dan
- (iii) Baki amaun dalam Akaun Bersama anda (jika ada); di mana akan dibayar kepada penama.

10. Bagaimakah saya hendak tahu lebih lanjut tentang ciri-ciri dan manfaat PruBSN Aman?

Sila rujuk kepada Ringkasan Sijil, Dokumen Sijil dan Lampiran Keterangan Produk bagi PruBSN Aman untuk ketahui lebih lanjut.

11. Bagaimana untuk menyertai PruBSN Aman?

Anda boleh menyertai PruBSN Aman melalui aplikasi mudah alih PruBSN Aman. Untuk keterangan lebih lanjut, sila layari laman web di <https://www.prubsn.com.my/ms/our-products/products/PruBSNAman>.

Sumbangan dan Caj**12. Berapakah sumbangan yang saya perlu bayar?**

Semasa memohon, anda hanya perlu menyumbang RM120*, yang mana dikenali sebagai Sumbangan Pendahuluan. Apabila baki Akaun Bersama anda kurang daripada RM40*, anda akan diminta untuk membuat Sumbangan Pendahuluan Tambahan sebanyak RM60*. Tiada sumbangan tambahan diperlukan sekiranya baki dalam Akaun Bersama anda lebih daripada RM40*. Butiran potongan, caj-caj dan baki dalam akaun akan sentiasa tersedia dalam aplikasi mudah alih PruBSN Aman untuk anda.

*Tertakluk kepada perubahan dan kami akan memberikan anda notis 90 hari sebelum perubahan tersebut.

13. Adakah sumbangan yang dibayar untuk PruBSN Aman layak untuk Pelepasan Cukai Pendapatan?

Ya, sumbangan yang dibayar mungkin melayakkan anda untuk perlepasan cukai pendapatan, tertakluk kepada terma dan syarat oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

14. Apakah caj-caj yang ada di bawah PruBSN Aman?

Berikut adalah caj-caj di bawah PruBSN Aman:

Jenis	Amaun
Yuran Wakalah Pendahuluan	RM30 semasa permohonan
Yuran Wakalah Tahunan	RM15 semasa pembaharuan
Yuran Wakalah Tuntutan	Sehingga 4% daripada tuntutan dibayar pada setiap bulan

Tertakluk kepada perubahan dan kami akan memberikan anda notis 90 hari sebelum perubahan tersebut.

15. Adakah Cukai Jualan dan Perkhidmatan dikenakan untuk PruBSN Aman?

SST tidak akan dikenakan untuk PruBSN Aman. Walau bagaimanapun, cukai boleh dikenakan pada bila-bila masa di mana-mana bahagian sumbangan, atau sebarang pembayaran yang dikenakan atau pembayaran dari anda untuk pelan ini. Sekiranya demikian, anda akan membayar cukai pada kadar semasa yang dikenakan.

Penamaan**16. Apakah kepentingan membuat penamaan?**

Penamaan penting untuk memastikan orang yang anda sayangi akan mendapat perlindungan seperti yang anda inginkan dan manfaat sijil dapat dibayar oleh PruBSN tanpa sebarang penangguhan. Tanpa penamaan, manfaat sijil akan dibayar kepada pelaksana atau pentadbir yang sah untuk diagihkan sesuai dengan undang-undang pengagihan yang berkenaan. Adalah penting bagi anda untuk memberitahu penama anda mengenai manfaat dan penamaan bagi sijil ini.

17. Siapa yang boleh saya calaonkan sebagai penama untuk sijil saya?

- Penama mestilah seorang individu. Penamaan untuk organisasi tidak dibenarkan.
- Sekiranya penama anda berumur di bawah 18 tahun (lapan belas) tahun pada saat tuntutan, manfaat akan dibayar kepada ibu bapa yang masih hidup atau penuntut yang sepatutnya seperti penjaga yang sah, tertakluk kepada bukti undang-undang/dokumen sokongan yang berkenaan.

18. Bagaimana untuk membuat penamaan?

Anda boleh memutuskan sesiapa yang anda inginkan untuk menjadi penama untuk menerima manfaat dengan menghantar butiran penama melalui aplikasi mudah alih PruBSN Aman.

Tuntutan dan Pengurusan Pengebumian**19. Bagaimanakah saya hendak membuat tuntutan?**

Pihak yang menuntut mestilah kemukakan tuntutan melalui aplikasi mudah alih PruBSN Aman bersama dengan dokumen yang lengkap seperti yang disenaraikan di dalam aplikasi mudah alih PruBSN Aman.

20. Bagaimanakah saya dapat menyemak status tuntutan saya atau mendapat penjelasan untuk sebarang keraguan mengenai keputusan tuntutan?

Anda boleh menyemak status tuntutan anda melalui aplikasi mudah alih PruBSN Aman.

Walaubagaimanapun, sekiranya anda mempunyai sebarang keraguan mengenai keputusan tuntutan, sila hubungi talian Khidmat Pelanggan kami di 03 2053 7188 (8:30 pagi hingga 5:15 petang dari Isnin hingga Jumaat, kecuali cuti umum) atau e-mel kepada customer@prubsn.com.my.

21. Berapakah tempoh tuntutan untuk diproses?

Biasanya, ia mengambil masa sehingga 14 hari waktu bekerja apabila dokumen tuntutan lengkap diterima.

22. Apakah dokumen-dokumen yang diperlukan untuk tuntutan?

Kad pengenalan penama, butiran e-kredit penama dan salinan sijil kematian yang diperakui. Sekiranya penama anda berumur di bawah 18 tahun pada saat tuntutan, bukti hubungan (sekiranya pihak menuntut adalah ibu bapa yang masih hidup) atau Surat Hak Penjagaan diperlukan. Senarai dokumen yang diperlukan juga boleh didapati di dalam aplikasi mudah alih PruBSN Aman.

23. Bagaimanakah perkhidmatan pengurusan pengebumian berfungsi?

Kemudahan perkhidmatan pengurusan pengebumian ini disediakan untuk semua peserta bagi pelan ini. Sekiranya kematian berlaku, waris anda boleh menghubungi pihak ketiga, pengurus perkhidmatan pengebumian. Urusan antara waris anda dengan pengurus perkhidmatan pengebumian akan diambil sebagai berasingan dan kami tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat masalah berkaitan dengan yang dilaksanakan. Untuk maklumat lebih lanjut, sila lawati laman web di <http://www.myangkasamukmin.my/>.

24. Adakah waris saya akan diminta untuk membuat pembayaran kepada pihak ketiga, pengurus perkhidmatan pengebumian yang disebutkan di atas untuk perkhidmatan yang diberikan?

Tiada pembayaran yang diperlukan untuk perkhidmatan umum yang disediakan oleh pihak ketiga, pengurus perkhidmatan pengebumian. RM3,000 akan dibayar kepada pengurus perkhidmatan pengebumian sekiranya waris anda menggunakan perkhidmatannya untuk pengurusan pengebumian dan ini adalah jumlah seperti yang dinyatakan sebagai Manfaat *Khairat* di bawah pelan ini. Sekiranya perkhidmatan tidak digunakan, Manfaat *Khairat* akan dibayar kepada penama anda bersama dengan Manfaat Kematian.

Menarik Diri daripada Penyertaan, Penamatan dan Penguatkuasaan semula**25. Bolehkah saya menarik diri daripada penyertaan?**

Anda boleh menarik diri daripada penyertaan pada bila-bila masa yang anda kehendaki. Sekiranya anda memilih untuk menarik diri daripada penyertaan dalam tempoh 15 hari selepas menyertai pelan ini, kami akan mengembalikan Sumbangan Pendahuluan yang dibayar. Walau bagaimanapun, jika anda memilih untuk menarik diri daripada penyertaan selepas 15 hari, kami akan terus memberikan perlindungan kepada anda sehingga hari pertama bulan kalender yang berikutnya selepas pemberitahuan dan kami akan mengembalikan kepada anda baki dalam Akaun Bersama anda ditolak Potongan Perkongsian Bulanan pada bulan tersebut (jika ada).

26. Dalam keadaan apa sijil PruBSN Aman saya akan tamat?

Sijil anda akan tamat secara automatik (yang mana berlaku dahulu):

- pada Tarikh Pembaharuan Sijil apabila anda berumur 70 tahun (umur pada hari jadi akan datang); atau
- apabila sijil anda telah luput kerana anda gagal membayar Sumbangan Pendahuluan Tambahan sehingga hari pertama bulan kalender yang berikutnya selepas pemberitahuan; atau
- selepas pembayaran jumlah dalam Akaun Bersama anda apabila anda menarik diri daripada penyertaan; atau
- apabila anda meninggal dunia; atau
- apabila dibatalkan selepas menerima notis daripada kami.

27. Bolehkah saya menguatkuasakan semula sijil saya?

Tidak, anda tidak dibenarkan untuk menguatkuasakan sijil anda. Oleh itu, ianya amat penting untuk anda membayar Sumbangan Pendahuluan Tambahan tepat pada waktunya. Secara alternatif, anda boleh menyertai pelan ini dengan mengemukakan permohonan baru untuk sijil PruBSN Aman di mana Yuran *Wakalah* Pendahuluan akan dikenakan.

Pembaharuan**28. Adakah pelan PruBSN Aman dijamin boleh diperbaharui?**

Sijil ini akan diperbaharui secara automatik pada Tarikh Pembaharuan Sijil.

Kami boleh menamatkan pelan ini dengan memberikan anda notis 90 hari. Semua manfaat di bawah sijil anda akan berhenti dengan segera setelah pemberitahuan 90 hari tamat.